

PILIHAN RAYA UMUM KE-13: PERUBAHAN BUDAYA POLITIK MALAYSIA DAN KRISIS LEGITIMASI MORAL BARISAN NASIONAL

THE 13TH GENERAL ELECTIONS: CHANGES IN MALAYSIAN POLITICAL CULTURE AND BARISAN NASIONAL'S CRISIS OF MORAL LEGITIMACY

Mohd Hariszuan Jaharudin

Penang Institute, No. 10 Brown Road, 10350 Georgetown, Pulau Pinang, Malaysia

Email: hariszuan@gmail.com

Artikel ini cuba menjawab, di sebalik perbelanjaan besar-besaran yang disifatkan sebagai pilihan raya paling mahal dalam sejarah dan penggunaan imej budaya popular oleh Barisan Nasional (BN) untuk memenangi Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) ini, parti pimpinan Najib Razak telah kehilangan undi popular dengan prestasi yang lebih buruk berbanding 2008. Bagi memahami prestasi buruk ini, artikel ini mencadangkan satu analisis yang melangkaui pergelutan di sekitar kertas undi sahaja. Analisis keputusan PRU13 ini harus dibaca bersama perkembangan 40 tahun terakhir yang berlaku di negara ini di mana perubahan struktur ekonomi, sosial dan budaya telah memberi kesan besar terhadap politik. Kemudian gerakan sosial baru yang berlaku dalam 15 tahun terakhir secara perlahan telah membina ingatan bersama (collective memory) dua generasi yang membentuk identiti budaya yang baru. BN yang menyedari akan perubahan ini cuba untuk menyesuaikan diri dengan melancarkan kempen yang memanfaatkan budaya popular yang mewakili kelompok ini – Twitter, Facebook, Youtube, konsert, telefon pintar – namun budaya popular bukan hanya soal bentuk (forms) tetapi juga hubungan kuasa dan perlawanan (relations of power and resistance). Hubungan kuasa ini membentuk makna dan memberi kesan kepada legitimasi moral. Maka, artikel ini juga akan memajukan satu analisis bagi menjawab, meskipun BN menyedari perubahan budaya politik ini dan melakukan penyesuaian dengan mensasarkan kelompok muda dalam kempenya, tetapi masih lagi gagal memenangi hati pengundi, khususnya golongan muda.

Kata kunci: budaya popular, media baru, reformasi, Pilihan Raya Umum ke-13, belia

The paper aims to answer, despite massive expenditures deemed to have made this 13th General Election (GE13) the most expensive election in history and the use of popular culture images by the Barisan Nasional (BN) led by Najib Razak to

win, the ruling coalition lost the popular vote with a worse performance than in 2008. To understand this poor performance, this paper proposes an analysis that goes beyond the issues surrounding the ballot paper. An analysis of GE13 results should be read in conjunction with the 40 years of development resulting in structural changes in the economy, society and culture, with significant impact on politics. A new social movement from the last 15 years slowly built a collective memory between two generations to form a new cultural identity. BN tried to adapt the changes through their campaign that leverages popular culture which represents this group – Twitter, Facebook, Youtube, concerts, smartphones – but popular culture is not only a matter of forms but also the relations of power and resistance. These power relations shape the meaning and affect the moral legitimacy of BN before getting translated onto the ballot paper. Thus, this paper will also develop an analysis for the answer, why the BN, despite recognising the change in the political culture, making adjustments and targeting the youngsters in its campaign, still failed to win the hearts of the electorate, especially young voters.

Keywords: popular culture, new media, reformasi, 13th General Election, youth


PENGENALAN

Prestasi Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU12), merupakan prestasi terburuk mereka selepas PRU 1969 apabila dinafikan majoriti dua pertiga dalam Parlimen. Perdana Menteri ketika itu, Abdullah Ahmad Badawi akhirnya meletakkan jawatan dan beban untuk mengembalikan sokongan rakyat terhadap parti paling lama memerintah itu diserahkan kepada Najib Razak. Menurut Bridget Welsh (2013), Najib Razak dianggarkan secara kasar telah membelanjakan RM57.7 billion semenjak April 2009 bagi tujuan membina (baca: mengembalikan) sokongan rakyat terhadap BN melalui pelbagai program transformasi dan juga pengenalan pelbagai pendekatan populis yang bersifat jangka pendek. Namun, keputusan PRU13 yang lalu menunjukkan prestasi BN semakin merosot berbanding PRU12 jika dilihat dari pertambahan kehilangan kerusi Parlimen. Persoalannya kini, mengapakah setelah berbelanja besar (paling tinggi dalam sejarah), dan meningkatkan kempen mereka termasuk dalam media sosial, BN bukan sahaja gagal mempertahankan prestasi mereka, malah buat pertama kalinya telah kalah undi popular? Artikel ini akan cuba mengemukakan pandangan bahawa prestasi buruk BN ini bukan semata-mata kerana percaturan politik semasa pilihan raya dan/atau keberkesanan kempen parti pembangkang tetapi melibatkan juga perubahan jangkaan sosial dan politik akibat perubahan budaya politik yang berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia, khasnya generasi muda yang telah membina ingatan bersama (*collective memory*) melalui dua gerakan politik dan sosial – Reformasi 1998 dan Gabungan Pilihan Raya

Bersih dan Adil (BERSIH). Pada masa yang sama, Reformasi 1998 dan BERSIH, bersama elemen budaya popular lain juga telah membentuk satu identiti politik baru dalam kalangan anak muda. Kemudian, artikel ini juga akan memajukan satu analisis bagi menjawab, mengapa meskipun BN menyedari akan perubahan budaya politik ini dan telah melakukan penyesuaian dan mensasarkan kelompok muda melalui pendekatan kempenya, tetapi masih lagi gagal memenangi hati pengundi, khasnya pengundi muda yang lebih kritikal berbanding pengundi tua yang lebih konvensional.

PERUBAHAN DEMOGRAFI

Sepanjang 40 tahun terakhir ini, banyak perubahan terhadap ekonomi dan sosial negara yang akhirnya mempengaruhi pembentukan sikap politik rakyat Malaysia, khasnya mereka yang berumur 40 dan ke bawah. Rajah 1 dengan jelas menunjukkan transformasi ekonomi yang berlaku dalam tiga dekad yang mengubah asas ekonomi daripada pertanian kepada perindustrian dan perkhidmatan.




Rajah 1: Malaysia: Pertumbuhan tenaga kerja 1970–2010 (%).

Nota: * Perkhidmatan boleh dibahagikan kepada tiga: kerajaan, bukan kerajaan, dan lain-lain yang meliputi elektrik, gas, air, pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi, perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, kewangan, insurans, hartanah, dan perkhidmatan perniagaan.

Sumber: Disesuaikan daripada Rahimah (2000: 62); Jabatan Perangkaan Malaysia (2013).

Apabila tumpuan ekonomi telah beralih kepada industri, bandar-bandar baru mula dibuka, khusus untuk menampung kilang-kilang baru. Urbanisasi ini juga selari dengan penghijrahan ramai penduduk desa, khasnya orang muda, ke

bandar-bandar perindustrian baru seperti Pasir Gudang, Seberang Perai dan Shah Alam. Rajah 2 menunjukkan daripada sekitar 10 juta penduduk Malaysia pada tahun 1970, seramai 26.7% tinggal di bandar dan jumlah ini meningkat dengan signifikan pada tahun 1991.¹ Pada tahun 2010, lebih 70% penduduk Malaysia tinggal di bandar dan jumlah ini lebih besar di negeri seperti Pulau Pinang dan Selangor. Proses perindustrian dan pambandaran telah menyumbang kepada pembentukan dan perkembangan kelas-kelas sosial moden, khususnya kelas menengah dan kelas pekerja (Abdul Rahman, 2000: 91).




Rajah 2: Kadar urbanisasi (pambandaran) antara tahun 1970 hingga 2010 dalam peratus. Sumber: Disesuaikan daripada Abdul Rahman (2000); Jabatan Perangkaan Malaysia (2010).

Kelas menengah baru ini menunjukkan ciri-ciri yang menarik dan kefahaman ini sangat penting bagi menempatkan hubungan kelas menengah ini dalam konteks negara dan perubahan gerakan sosial. Kelas menengah baru ini adalah fenomena baru hasil daripada mobiliti sosial yang berlaku sejak 1970-an. Ertinya, mereka ini adalah generasi pertama kelas menengah dari keluarga yang sebelum ini merupakan petani dan buruh. Berdasarkan kajian Abdul Rahman (2001b), setidak-tidaknya terdapat tiga faktor yang mempengaruhi mobiliti sosial ini: latar belakang kelas, pendidikan keluarga dan bantuan biasiswa kerajaan. Selain itu, kelas menengah yang makan gaji ini juga sangat bergantung kepada pinjaman dan hutang – kereta, rumah, perabot dan lain-lain. Situasi ini kerana sikap konsumerisme mereka menjadikan golongan ini sangat terkesan dengan perubahan ekonomi. Pada masa yang sama, kelompok ini juga secara umumnya celik kepada perkembangan teknologi maklumat. Perkembangan ini membantu membentuk bukan sahaja sikap mereka terhadap politik, malahan terhadap budaya dan cara hidup. Berdasarkan Internet World Stats, terdapat 17,723,000

orang pengguna Internet di Malaysia yang mewakili 60.7% daripada populasi negara sehingga pertengahan tahun 2012 (Internet World Stats, 2012).

Menurut Mobile Insights Survey yang dijalankan oleh Nielsen Company, pada 2010 sahaja, berlaku pertambahan sebanyak 15% capaian Internet di Malaysia. Pengguna tertinggi yang direkodkan adalah dalam kalangan mereka yang berumur 20 hingga 24 tahun, sekitar 57%, mereka menghabiskan 22.3 jam seminggu untuk melayari Internet. Menurut kajian yang sama, 71% rakyat Malaysia menggunakan media sosial untuk berhubung dengan rakan mereka, peningkatan sebanyak 24% berbanding 2009. Pesanan ringkas dan membaca portal berita tempatan merupakan aktiviti atas talian tertinggi (The Nielsen Company, 2011). Manakala, menurut kaji selidik yang dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) antara Oktober 2011 hingga Januari 2012 terhadap 6,144 orang yang dipilih secara rawak di negara ini, mendapati pengguna Internet didominasi oleh orang muda yang berumur antara 20 hingga 34 tahun sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 3.



Rajah 3: Pecahan pengguna Internet mengikut umur dalam peratus.
Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2012).


Pada masa yang sama, berdasarkan laporan Asia Pacific Digital Marketing Yearbook 2011, 80% pengguna Internet menonton atau memuat turun video dengan 51% daripada pengguna Internet ini mempunyai akaun Youtube yang aktif (Oliver, 2011: 56). Kelas menengah baru ini dengan latar pendidikan yang lebih baik, kehidupan kota yang lebih beragam dan tuntutan ekonomi yang nyata, telah membentuk harapan politik (*political expectations*) yang lebih tinggi.

Hubungan antara kelas menengah dan kesedaran sivil ini telah dinyatakan dalam banyak kajian seperti Saravanamuttu (2001), Abdul Rahman (1995; 1996; 1998; 2001a; 2001b; 2002), Gomez (2004), Loh (2000; 2002; 2003; 2009) dan Weiss (2003; 2006). Namun, analisis ini tidak memadai untuk menjawab berkenaan perubahan yang berlaku dalam politik Malaysia semenjak 2008 dan kini lebih nyata pada tahun 2013 ini. Maka, artikel ini juga mencadangkan bahawa terdapat satu proses pembentukan identiti melalui budaya popular dalam kalangan masyarakat Malaysia khas dalam kalangan orang muda yang membezakan mereka dengan generasi sebelumnya.

DEMOGRAFI PENGUNDI DAN ORIENTASI ORANG MUDA DALAM PRU13

Berdasarkan laman web Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, jumlah pengundi berdaftar di Malaysia adalah 13,268,002 orang dengan 50.23% adalah perempuan dan 49.77% adalah lelaki (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2012). Angka ini merupakan pertambahan sebanyak 2,270,002 pengundi baru didaftarkan dari 2008 hingga 2011 (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara [Hansard], 2012). Sebagai bandingan angka daftar pemilih yang digunakan dalam PRU12 ialah 10,922,139 yang bererti wujud pertambahan sebanyak kira-kira 20% jumlah pengundi. Pertambahan ini jelas agak luar biasa. Sebagai bandingan, pada 2008, pertambahan pengundi hanya melibatkan 637,548 pemilih baru atau peningkatan sebanyak 6.2% sahaja. Di sebalik dakwaan, khasnya daripada pembangkang, bahawa daftar pemilih yang diwartakan adalah meragukan (*The Malaysian Insider*, 2012), pertambahan besar jumlah mereka yang mendaftarkan diri untuk mengundi ini menunjukkan minat yang tinggi terhadap pilihan raya. Malah, kadar keluar mengundi juga merupakan rekod tertinggi dalam sejarah: 84.84% atau 11,257,147 orang pemilih.

Meskipun tiada pecahan umur, diandaikan pertambahan ini melibatkan sejumlah besar golongan muda yang mendaftar sebagai pengundi baru. Semakan dengan daftar pemilih terkini dalam laman web SPR juga mendapati jumlah pengundi muda 21 hingga 39 tahun adalah seramai 5,562,129 orang atau 41.98% daripada keseluruhan daftar pemilih (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2013). Semakan dengan laporan *The Youth Factor 2012 Survey of Malaysian Youth Opinion* yang dijalankan terhadap 2,105 orang responden antara 17 hingga 35 tahun di seluruh Malaysia, 73% daripada responden yang ditemui telah mendaftar untuk mengundi (lihat Rajah 4). Malah, lebih 80% orang muda yang ditemui secara rawak berusia 25 hingga 35 tahun didapati telah mendaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (The Asia Foundation, 2012).



Rajah 4: Pecahan pengundi berdaftar mengikut umur tahun 2012.

Sumber: The Youth Factor 2012 Survey of Malaysian Youth Opinion (The Asia Foundation, 2012).

Kaji selidik yang sama juga menunjukkan bahawa kebanyakan orang muda lebih terbuka untuk memilih parti politik yang mewakili kepentingan umum dan bukannya kepentingan sesuatu kaum dan agama (71%) berbanding hanya 14% yang memilih parti politik yang berteraskan agama dan yang berteraskan kaum tertentu (11%). Daripada segi identiti pula, 54% meletakkan warga Malaysia sebagai identiti utama berbanding 33% yang mengidentifikasikan diri mereka dengan kumpulan agama masing-masing dan hanya 12% yang mengutamakan identiti kaum. Kaji selidik ini juga membentangkan dapatan yang sangat penting, iaitu variasi antara bandar dan luar bandar tidak terlalu signifikan (The Asia Foundation, 2012). Ertinya orientasi politik antara orang muda di bandar dan di luar bandar tidak banyak perbezaan. Perkara ini sangat penting kerana ia menunjukkan orientasi politik orang muda tidak lagi boleh dibahagikan mengikut sosio-ekonomi, sebaliknya nilai yang mereka pegang kini rentas kaum dan kelas ekonomi. Dapatan ini menyokong hujah bahawa orang muda kini berkongsi nilai yang sama hasil daripada pembentukan ingatan bersama yang akan dihuraikan pada bahagian berikut tulisan ini. Pada masa yang sama, kaji selidik yang dijalankan oleh Merdeka Centre antara 2012 dan 2013 pula mendapati golongan muda secara konsisten bersikap kritikal terhadap prestasi kerajaan pimpinan Najib Razak. Umumnya mereka yang berumur antara 20 hingga 40 tahun mahukan perubahan dasar negara dan pendekatan politik yang lebih rasional antaranya mengadakan debat berkenaan dasar ekonomi antara Najib Razak dan Anwar Ibrahim.²

GERAKAN SOSIAL YANG MELATARI PRU13 DAN PEMBENTUKAN INGATAN BERSAMA

Beberapa pakar teori gerakan sosial yang melihat perubahan struktur sosio-ekonomi ini dengan gerakan sosial merujuk perubahan struktur ini sebagai menghasilkan masyarakat "*post-industrial*", "*programmed*" (Touraine, 1981), "*information*" (Melucci, 1996) dan "*network*" (Castells, 2010). Gerakan sosial ini dikatakan telah melangkaui persoalan kelas ekonomi dan kelompok ini juga bukan berminat seluruhnya untuk mendapatkan faedah ekonomi atau politik secara langsung (Touraine 1981; Laclau dan Mouffe, 1985; Cohen 1985). Huraian ini sangat-sangat membantu memahami bagaimana banyak kelompok masyarakat yang berbeza kepentingan (dan kadangkala bertentangan) mampu untuk bergerak di bawah satu gerakan sosial yang sama – Reformasi 1998 dan BERSIH. Kelompok ini menurut Touraine (1981) lebih menuntut pengiktirafan terhadap identiti mereka.

PRU13 diadakan selepas beberapa siri demonstrasi besar-besaran di Kuala Lumpur, khasnya demonstrasi BERSIH yang bermula pada 2007 dan memberi impak besar kepada PRU12 di mana BN dinafikan majoriti dua pertiga. Siri demonstrasi BERSIH diteruskan lagi dengan BERSIH 2.0 pada 9 Julai 2011 dan BERSIH 3.0 pada 28 April 2012. Menurut Wong Chin Huat, BERSIH pada awalnya merupakan gerakan yang bersifat elit dan digerakkan oleh parti-parti politik dengan penyertaan 90% ahli parti politik dan aktivis parti politik sebelum menjadi 60% aktivis bukan-parti pada BERSIH 2.0 dan benar-benar menjadi gerakan sosial rakyat dalam BERSIH 3.0. Malah, BERSIH memperlihatkan penyertaan ramai orang muda (dalam Radue, 2012: 64). BERSIH adalah signifikan kerana merupakan demonstrasi paling besar pernah dianjurkan di negara ini dalam tempoh 15 tahun selepas Reformasi 1998. BERSIH sebagai satu gerakan sosial yang berkembang secara organik dengan beberapa siri demonstrasi telah membentuk satu ingatan bersama (Drury, Reicher dan Stott, 2003: 191–212) dalam kalangan anak muda, khasnya golongan berusia 20-an yang tidak merasai pengalaman Reformasi 1998. Menurut salah seorang aktivis politik mahasiswa, Adam Adli, generasi 20-an ini diwakili oleh BERSIH kerana generasi Reformasi 1998 adalah kalangan mereka yang kini berumur 30-an dan ke atas dan mereka yang berumur 20-an tidak bersentuhan dengan Reformasi.³

Pada masa yang sama, gerakan *Occupy Movement* yang bermula pada 2011 di Eropah dan berkembang di Amerika Utara yang kemudiannya menjadi gerakan global juga memberikan tempasnya di Malaysia. Malah, semakan dengan akhbar tempatan (*The Sun*, 2011) mendapati laporan berkenaan perjumpaan pertama *Occupy Dataran* di Dataran Merdeka berlangsung tujuh minggu lebih awal sebelum *Occupy Wall Street* pada 30 Julai 2011. *Occupy Movement* ini memuncakkan lagi minat terhadap politik dalam kalangan rakyat Malaysia, khasnya generasi muda. Hal ini kerana, Reformasi dan BERSIH merupakan gerakan sosial yang popular, dan sebagaimana gerakan sosial lainnya,

ditunjangi oleh orang muda. Dalam tempoh 15 tahun terakhir ini, Malaysia telah membentuk dua generasi muda yang mempunyai ingatan bersama yang berbeza – pertamanya yang digerakkan oleh Reformasi 1998 dan keduanya oleh BERSIH. Kelompok umur bagi orang muda yang terlibat secara aktif dalam Reformasi 1998 pastinya generasi yang lahir pada tahun 1970an hingga 1980an yang kini berumur antara 30 hingga 40 tahun. Manakala, generasi BERSIH pula terdiri daripada kalangan mereka yang berumur antara 20-an hingga penghujung 20-an.

Strategi komprehensif dalam melahirkan identiti bersama melalui gerakan sosial ini berfokus kepada membina dan mengukuhkan kebersamaan dalaman (*internal solidarity*) dalam kalangan kumpulan yang pelbagai. Tugas utama dalam usaha ini adalah penegasan kerjasama sedia ada dalam kalangan jaringan kumpulan yang mandiri (*autonomous*), menggunakan jaringan informal dalam kalangan komuniti, dan mengenal pasti isu bersama. Pastinya tugas ini memerlukan bukan sahaja gerak kerja politik, malahan juga gerak kerja budaya (*cultural work*). Mereka perlu membangkitkan asal budaya bersama, warisan, dan sejarah perlawanan untuk autonomi dan hak. Maka, dalam banyak gerakan sosial, sebagaimana diterangkan oleh Adler (2012: 300) para aktor menggunakan simbol dan naratif yang melangkaui identiti kumpulan yang heterogen. Mansbridge (dalam Adler 2012: 296) menggunakan istilah "*oppositional consciousness*" apabila merujuk kepada penentangan terhadap struktur dominan. Beliau menerangkan pernyataan ketidakadilan dan kepentingan bersama serta tuntutan untuk pengiktirafan merupakan pusat kepada proses membentuk ingatan bersama. Pada masa yang sama, tuntutan untuk ruang demokrasi yang lebih besar akan mengaburi perbezaan dan percanggahan antara kumpulan yang berbeza bagi menentang ancaman bersama (Flacks, 1996). Huraian ini bertepatan dengan BERSIH yang berjaya mengumpulkan banyak sokongan daripada kumpulan yang progresif seperti Aliran Kesedaran Rakyat (ALIRAN), Islamic Renaissance Front (IRF), Sisters in Islam (SIS), Rumah Anak Teater (RAT), hingga kepada kumpulan yang dilihat lebih konservatif seperti Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) dan Parti Islam se-Malaysia (PAS).⁴

Lebih penting lagi, Reformasi dan BERSIH ini telah melangkaui demonstrasi jalanan semata-mata dan mula memasuki wacana yang lebih besar ke dalam ranah budaya. Peranan para artis, sasterawan, seniman yang berkempen melalui karya mereka dengan mengkritik ketidakadilan dalam politik ketika itu tidak harus dipinggirkan. Seniman yang ikut masuk dalam kategori ini amatlah rencam latarnya bermula daripada para pengamen (*busker*), penggiat filem bebas (*independent film activist*), kartunis dan novelis. Malah Sasterawan Negara⁵ juga bersama meluahkan rasa tidak senang mereka terhadap kepimpinan negara waktu itu. Antara yang paling jelas protesnya adalah Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad melalui karya novel satira SHIT⁶ (Mandal, 2003: 198–199) semasa Reformasi 1998 dan A. Samad Said melalui puisi *Unggun Bersih* ketika kempen BERSIH. Selain persembahan pentas, terdapat juga aktivis budaya yang menggunakan medium kartun sebagai ruang untuk menyatakan pandangan politik

mereka. Sudah pastinya antara yang paling dikenali adalah Zunar. Ketika Reformasi 1998, beliau mencetak *leaflets* kartunnya pada kertas A4 biasa dan menyebarkan pada orang ramai. Menurut Zunar, melalui kartun yang tidak formal, santai, mesej-mesej politik dapat disebar dengan lebih mudah dan meluas. Malah, Zunar semakin dikenali kini dan beliau banyak menghasilkan karya yang bertemakan BERSIH (Soon, 2012: 38–41).

BERSIH juga menyerap masuk ke dalam medan budaya. Malah, Sasterawan Negara A. Samad Said dengan misai dan rambut putih panjangnya yang bertindak sebagai pengerusi bersama jawatankuasa kerja BERSIH 2.0 telah menjadi ikon perjuangan BERSIH. Menurut beliau, ramai yang mengenali dirinya kerana BERSIH bukan *Salina* (novel yang menaikkan nama beliau sebagai sasterawan) tambahan lagi dalam kalangan generasi muda.⁷ Pak Samad disiasat di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan dan juga Seksyen 27(5) Akta Polis kerana puisi *Unggun Bersih* yang pertama kali dideklamasikan semasa Majlis Pelancaran BERSIH 2.0 pada 19 Jun 2011 (*Malaysiakini*, 2011b). Susulan daripada tindakan tersebut, empat orang Sasterawan Negara: Datuk Shahnnon Ahmad, Muhammad Haji Salleh, Datuk Noordin Hassan dan Datuk Dr. Anwar Ridhwan mengeluarkan kenyataan menyokong Pak Samad dan mahu intimidasi terhadap beliau dihentikan serta menghormati ruang sasterawan untuk berkarya (*Malaysiakini*, 2011a). Pada masa yang sama, banyak anak muda juga menghasilkan karya mereka berhubung dengan BERSIH, termasuk melalui antologi *Puisi Jadi Senjata* (Fazallah, 2011) terbitan Fikrah Collective yang juga sebagai sokongan kepada Pak Samad. Kumpulan penulis muda Diskopi yang menerbitkan tulisan-tulisan popular di blog juga menganjurkan pertandingan menulis esei dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris berkenaan pengalaman orang muda semasa BERSIH (Diskopi, 2011). Terdapat juga kumpulan fotografi seperti Effekts yang sebelumnya dikenali sebagai "lomokidS" yang mengadakan pameran fotografi demonstrasi BERSIH. Pada masa yang sama, penggunaan Youtube menjadi semakin signifikan apabila banyak video dan gambar dan ucapan yang melambangkan sokongan kepada BERSIH daripada serata dunia dimuat naik ke laman tersebut.

Menurut Gunster (2004: 462) sungguhpun dikotomi antara dominasi/subordinat kekal stabil, inventori kandungan kebudayaan sebenar sentiasa berubah. Tumpuan utamanya pastinya politik perubahan budaya yang secara berterusan berlaku antara ruang dominan dan subordinat, apabila *cultural objects* dan *cultural practices* bergerak daripada ruang popular ke ruang dominan atau daripada ruang dominan diserap ke ruang popular. Istilah "*subordinated*", "*ordinary*" dan "*popular*" secara simbolik dan substantif merujuk kepada majoriti populasi non-elit sebagai *statistical empirical reality*.⁸ Secara simboliknya "kebiasaan" dalam praktis budaya orang kebanyakan itu merujuk kepada amalan harian yang dilakukan tanpa perlu kepada latihan khas dan pelajaran khusus (Chua, 2007). Amalan harian ini boleh dirujuk sebagai rutin tetap yang diulang dalam kitaran masa yang berbeza, daripada kitaran harian kepada kitaran tahunan

dan amalan yang diulang dalam beberapa tahun. Semakin lama jarak antara amalan rutin tersebut, lebih banyak aktiviti akan dilihat sebagai "*occasional*" dan sebagai satu "*occasion*" – kesempatan – sambutan, festival, perayaan yang diraikan. *Occasional event* ini seperti Reformasi dan BERSIH akan sentiasa mengganggu kestabilan, aturan dan amalan harian serta kitaran kehidupan sosial yang membina kelangsungan sosial. Menurut Humphrey (2001: 1), "*The occasional bear a simple relation to the routinised: each periodic event is a noisy interruption of everyday public life.*" Maka, sebagaimana huraian di atas, Reformasi dan BERSIH boleh dilihat sebagai sebahagian budaya popular dalam kebanyakan masyarakat yang berpotensi mencabar aturan sosial sedia ada. Dalam bahagian berikutnya, dapat dilihat bagaimana bentuk budaya popular ini cuba dibawakan dalam ruang dominan melalui kempen BN. Namun, budaya popular bukan hanya wujud dalam bentuknya sahaja tetapi mengandungi hubungan kuasa antara nilai dominan dan subordinat yang kemudiannya mempengaruhi justifikasi moral terhadap sesuatu tindakan itu.

TRANSFORMASI SEBAGAI REAKSI TERHADAP REFORMASI

Mengakui bahawa sikap politik masyarakat Malaysia telah berubah, khasnya golongan muda telah mengalami perubahan besar dan era "*government knows best*" telah berlalu dan orientasi politik kini menjadi lebih inklusif (*Bernama*, 2009), Najib Razak telah mengusulkan kempen "1Malaysia" sebagai usaha untuk mendapatkan kembali sokongan rakyat terhadap BN. "1Malaysia" dilihat sebagai ideologi yang dibentuk oleh Najib Razak bagi membina moral politik untuk Malaysia (Soon, 2012). Segala kempen dan program pembangunan Najib Razak telah disesuaikan dengan dengan tema "1Malaysia".⁹ Pada masa yang sama, Najib Razak juga mengutarakan agenda perubahan yang merupakan aspirasi golongan muda dengan memperkenalkan konsep transformasi. Jelas, konsep transformasi tajaan Najib Razak ini adalah respon atau anti-tesis kepada konsep reformasi yang dipopularkan oleh Anwar Ibrahim sejak Reformasi 1998.¹⁰ Sehingga kini, setiap kali demonstrasi jalanan, ceramah politik dan kempen parti pembangkang, laungan reformasi terus bergema. Malah, pada Februari 2013, komposer dan penyanyi terkenal, Yassin Sulaiman bersama seorang lagi penyanyi terkenal Faisal Tahir, telah memuat naik video muzik mereka yang berjudul Reformasi yang jelas menunjukkan sokongan kepada Anwar Ibrahim serta Pakatan Rakyat.

Antara usaha Najib Razak di bawah program transformasi beliau ini adalah memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Buang Negeri 1959 dan Akta Kediaman Terhad 1993. Bagaimanapun, ISA telah digantikan dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 yang diluluskan di Parlimen pada 18 Jun 2012. Manakala Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Polis juga telah dipinda untuk menjadi lebih demokratik. Di samping pengenalan Akta Perhimpunan Aman, Akta Universiti

dan Kolej Universiti 1971 juga telah dipinda bagi membenarkan mahasiswa untuk menyertai politik. Namun, berbanding dengan idea reformasi yang membayangkan perubahan struktural, transformasi Najib Razak dikritik kerana hanya bersifat populistik dan tidak menyelesaikan isu pokok seperti ketidakseimbangan kekayaan, autonomi universiti dan hak asasi (Puyok, 2013). Selain itu, Najib juga giat mendekati golongan muda melalui pelbagai program bercirikan kesukanan, riadah dan juga konsert. Namun, program seumpama ini kurang berminat untuk memperkasakan orang muda dan menggalakkan mereka terlibat dalam proses demokrasi, sebaliknya mereka diseru untuk mempertahankan status quo. Contoh terbaik pastinya ucapan Najib Razak ketika program Himpunan Sejuta Belia di Putrajaya pada 28 Mei 2011.

Di sini, satu juta belia berkumpul di Putrajaya bagi mempertahankan kerajaan. Sanggupkah anda mempertahankan Putrajaya bersama saya? Walaupun tidak sampai ke peringkat membuat keputusan, memadailah anda (belia) mendukung dan menyokong pelan transformasi negara. Saya cukup hargai (*Malaysiakini*, 2011c).

Najib Razak juga berdepan kritikan kerana tindakan beliau menjemput penyanyi sensasi Youtube daripada Korea Selatan, Psy ke Pulau Pinang bagi membuat persembahan semasa Rumah Terbuka Tahun Baru Barisan Nasional Pulau Pinang pada Februari 2013.¹¹ Pertamanya, kos persembahan kurang sepuluh minit tersebut dikatakan terlalu tinggi dan keduanya, video Najib bertanya kepada hadirin sama ada mereka bersedia untuk Barisan Nasional dan hadirin menjawab "tidak", telah dimuat naik ke Youtube dan menjadi sensasi (*Malaysiakini*, 2013b). Setahun sebelum PRU13, Najib Razak juga telah menggunakan strategi Media Prima¹² yang telah terbukti berjaya melonjakkan imej dan produk mereka dengan mengadakan karnival di setiap bandar besar di seluruh negara. Program Media Prima yang dikenali sebagai Karnival Jom Heboh itu sangat berjaya kerana berjaya menarik ratusan ribu pengunjung pada setiap lokasi karnival. Karnival yang dimulakan pada tahun 2003 kemudiannya dijadikan jenama tersendiri dan diadakan secara berkala sepanjang tahun merangkumi tujuh hingga lapan lokasi setahun (TV3, 2012). Karnival Jom Heboh ini menggabungkan pelbagai jenama besar untuk mengadakan promosi produk mereka sambil diiklankan di stesen televisyen milik Media Prima. Pada sebelah malamnya pula, diadakan Konsert Jom Heboh yang menampilkan ramai artis popular. Program yang bermula sejak 2003 ini berterusan setiap tahun tanpa gagal sehingga kini (TV3: 2012). Maka, format ini cuba diadaptasikan oleh Barisan Nasional melalui program Karnival Jelajah Janji Ditepati. Jelas program ini mendapat kerjasama sepenuhnya Media Prima apabila pentas utama termasuk pengacara dan konsert pada sebelah malam dikelolakan oleh selebriti dan artis Media Prima. Malah, ucapan perasmian setiap siri jelajah akan disiarkan secara langsung oleh TV3, stesen TV milik Media Prima.

Namun, program Najib ini juga menimbulkan kritikan kerana program ini jelas merupakan siri kempen parti Barisan Nasional, namun menggunakan banyak agensi kerajaan untuk membuka gerai di setiap siri program. Malah, semasa penganjuran program ini di Universiti Sains Malaysia pada Disember 2012, berpuluh buah bas terpaksa digunakan untuk "mengimport" orang ramai (kebanyakannya ahli Barisan Nasional Pulau Pinang dan pelajar kolej serta universiti) sehingga menyebabkan lalu lintas di dalam kampus tersekat. Kehadiran orang ramai itu juga hanya untuk tempoh satu jam semasa perasmian oleh Najib Razak, kemudian keseluruhan karnival menjadi lengang, malah konsert pada sebelah malam juga hanya dihadiri kurang 200 orang hadirin.¹³ Sebagai tambahan, satu memo telah dikeluarkan oleh Timbalan Pendaftar, Pejabat Naib Canselor untuk menjemput kakitangan universiti untuk hadir (Forum Warga USM, 2012).

PILIHAN RAYA MEDIA SOSIAL PERTAMA

Najib Razak menyedari kepentingan Internet dan bagaimana Internet semakin menjadi pilihan untuk mendapatkan maklumat, malah Najib Razak sendiri membuat pengakuan bahawa pilihan raya 2013 adalah *Malaysia's first "social media election"* atau "pilihan raya media sosial" pertama Malaysia (*The Malaysian Insider*, 2013b). Mulai 2008, Najib Razak secara konsisten memanfaatkan media baru. Pada September 2008, laman web 1Malaysia.com.my mula diwujudkan dan Najib Razak menggunakan laman web tersebut juga sebagai medium blog. Pada masa yang sama, akaun Twitter @NajibRazak diwujudkan. Sebulan kemudian, pada Oktober 2008, akaun youtube.com/user/najibrazak pula dilancarkan dan mula memuat naik video beliau. Pada November 2009, Najib Razak mula memiliki akaun Facebook. Pada bulan Januari 2010, Najib Razak mengadakan sesi minum petang bersama pengikut laman sosial beliau di Seri Perdana, dengan kehadiran beberapa ribu orang. Pada Januari 2011, Najib menggunakan #TanyaNajib untuk menjawab soalan daripada pengguna Twitter. Bagi mendekati masyarakat Cina Malaysia, Najib membuka sebuah lagi akaun Facebook, Ah Jib Gor pada bulan Januari 2012. Pada bulan April tahun yang sama, Najib Razak memulakan aplikasi terkini daripada Google, iaitu Google+. Sebulan kemudian, pengikut Facebook pertama beliau telah mencecah 1,000,000 pengguna diikuti oleh akaun Twitter beliau pada bulan November tahun yang sama. Pada bulan Februari 2013, Najib Razak telah membuka akaun Instagram beliau (1Malaysia).

Namun, sekali lagi Najib Razak berdepan dengan masalah legitimasi moral apabila wujud pertikaian kos yang digunakan oleh Najib Razak bagi tujuan promosi di media sosial, apabila Najib Razak menggunakan "Promoted Account," perkhidmatan oleh Twitter di mana akaun berbayar ini akan diiklankan secara meluas oleh Twitter dengan kekerapannya bergantung kepada jumlah

bayaran. Dilaporkan BN membelanjakan sekurang-kurangnya USD15,000 (RM45,900) untuk kempen selama tiga bulan. Bagi "Promoted Trend" – sebagai contoh, *hashtag* #BetterNation – dilaporkan kosnya menjangkau USD200,000 (RM612,000) sehari (*The Malaysian Insider*, 2013a). Di samping itu, mengikut laporan *Feb 2013 Adex: General Election Boon* yang diterbitkan oleh Maybank pada 19 Mac 2013 pula, Jabatan Perdana Menteri (JPM) merupakan pembeli iklan tertinggi dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM36.1 juta – 7% daripada pertumbuhan adex bagi bulan Februari 2012. Malah, BN juga muncul antara 20 pembeli iklan tertinggi dengan membelanjakan RM4.9 juta (Maybank IB Research, 2013). Dalam masa yang sama, wujud dakwaan bahawa sebahagian besar pengikut (*followers*) akaun Twitter Najib Razak adalah palsu. Perkara ini didedahkan oleh Meld Magazine yang berpangkalan di Australia yang menyenaraikan pemimpin dunia dengan jumlah *followers* Twitter palsu.¹⁴ Najib Razak muncul sebagai pemimpin paling ramai *followers* palsu sebanyak 70% daripada 1.4 juta *followers* beliau diikuti oleh Perdana Menteri Thai, Yingluck Shinawatra (55%), dan Perdana Menteri India, Manmohan Singh (54%). Keputusan ini kemudiannya tersebar di portal berita tempatan dan menjadi perbincangan hangat di media sosial (*Malaysiakini*, 2013a).

Tidak sekadar itu, usaha Najib untuk mendekati golongan pengguna aktif media sosial, khususnya mikro-blog Twitter, iaitu golongan muda juga menerima kritikan. Kira-kira setahun sebelum PRU13, satu akaun Youtube telah memuat naik siri video Sembang Rakyat yang memaparkan video pendek dengan durasi kurang sepuluh minit. Meskipun BN menafikan terlibat dalam penghasilan video yang jelas profesional itu – menampilkan pelakon profesional dengan suntingan akhir yang kemas – siri video tersebut ternyata bersifat cenderung kepada kerajaan Barisan Nasional. Antara tajuk video tersebut ialah "Cincin 24 juta", "Kedai 1Malaysia", "Anwar Manusia Tanpa Wajah" dan "PTPTN – Mahasiswa Pendek Akal". Menariknya, sungguhpun pembikinan video ini kelihatan profesional dan menampilkan pelakon popular, namun jumlah "*dislike*" yang diterima sangat banyak berbanding "*like*". Sebagai contoh video "Cincin 24 Juta" yang ditonton oleh 119,085 *viewers* sehingga 10 Ogos 2013, menerima 162 "*like*" dan 3873 "*dislike*". Ertinya video ini tidak diminati oleh kebanyakan pengguna yang memiliki akaun Youtube.

KESIMPULAN

Masyarakat kebanyakan bukan buta budaya – pernyataan Stuart Hall (1994: 460) ini sangat bermakna untuk memahami betapa BN cuba menyalin bentuk budaya popular – Twitter, Facebook, Youtube, konsert, – namun masih gagal diterjemahkan dalam bentuk sokongan di peti undi apabila BN mencatatkan keputusan paling buruk dalam sejarah parti itu. Pendekatan ini melihat budaya memiliki elemen politik yang tidak boleh dipisahkan – merupakan ranah produksi

dan reproduksi hubungan sosial sehari-harian (Keesing, 1991: 43–44). Stuart Hall (dalam Storey 1998: 446) menghuraikan budaya popular sebagai berikut:

An arena of contest and resistance. It is partly where hegemony arise, and where it is secured. It is not a sphere where socialism, a socialist culture – already fully form – might be simply "expressed". But it is one of the places where socialism might be constituted. That is why "popular culture" matters.

Maka, daripada huraian ini, dapat dirumuskan bahawa budaya popular bukan hanya dalam bentuk – video Youtube, status Facebook, pentas konsert – tetapi juga hubungan kuasa dan ranah pembentukan makna. Budaya popular digunakan oleh kebanyakan orang muda untuk mengartikulasikan idea, pandangan, gagasan mereka terhadap sebarang isu di negara ini. Mudah-mudahan, budaya popular adalah medan pembentukan identiti dan kaedah untuk orang muda memposisikan diri mereka dalam masyarakat dan politik. Sebagai ruang pembentukan makna dan interaksi sosial, budaya dilihat sebagai ranah penting di mana pelbagai mod agensi, identiti, dan nilai sentiasa bergelut dan terbuka untuk membentuk transformasi demokratik dalam pelbagai peringkat hubungan kuasa. Ia bukan hanya dilihat sebagai cerminan dari daya ekonomi yang besar atau "*common ground*" untuk kehidupan harian, budaya adalah ruang yang diperebutkan dan ruang bagi kemungkinan-kemungkinan yang utopia. Budaya dari kaca mata Giroux juga memiliki dimensi keingkaran (*resistance*) dan perlawanan (*struggle*). Ia berupaya memberikan suara bagi masyarakat untuk mengartikulasikan kritikan-kritikan mereka dari budaya dominan dan membentuk wacana, gaya, dan identiti mereka sendiri (Giroux, 2004: 59–60).

Tuntasnya, artikel ini cuba mengajukan satu kesimpulan kecil bahawa keputusan PRU13 ini bukan hanya kerana percaturan elit politik semata-mata tetapi adalah manifestasi perubahan struktur ekonomi dan sosial negara ini serta pembentukan identiti baru dalam kalangan orang muda di Malaysia yang mempunyai moral politik yang berbeza. Dimensi keingkaran dan perlawanan yang wujud selama ini dalam budaya popular kerana keterbatasan ruang demokratis untuk menzahirkan sikap terhadap sesuatu isu tidak memungkinkan untuk negara (*state*) hanya semata-mata menyalin bentuk (*forms*) sesuatu budaya popular itu sahaja.

NOTA

1. Walau bagaimanapun, saiz bandar pada tahun 1991 bukan semata-mata disebabkan oleh penghijrahan desa-bandar tetapi turut dipengaruhi oleh pendefinisian semula konsep bandar dalam Banci Penduduk 1991 (Abdul Rahman, 2000: 90).

2. Bagi perincian lanjut, semak laporan kaji selidik Merdeka Centre (2013; 2012a; 2012b).
3. Temu bual bersama Adam Adli. 23 Jun 2013 di Bangsar Utama, Kuala Lumpur.
4. Senarai penuh Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) boleh didapati dalam laman web rasmi BERSIH <http://www.bersih.org/>
5. Sasterawan Negara Malaysia merupakan anugerah yang diberikan kepada mereka yang menyumbang dalam bidang sastera bahasa Melayu di Malaysia. Anugerah Sastera Negara yang pertama diadakan pada tahun 1981 hasil gesaan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Hussein Onn yang menginginkan sebuah hadiah sastera yang berprestij demi mengangkat martabat sastera di negara kita. Anugerah Sastera Negara dipilih oleh Urus Setia Panel Anugerah Sastera Negara yang ditunjangi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Sumber: Laman web rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka <http://www.dbp.gov.my/lamandbp/main.php>
6. Shahnnon adalah Sasterawan Negara (SN) kedua negara (1982) sesudah Keris Mas (1981). Namun Shahnnon antara sasterawan (juga intelektual) yang masih mengekalkan daya kritis terhadap pemerintah. Penyertaannya dalam politik pada tahun 1999 telah mengundang reaksi berbeza dalam kalangan ahli sastera khususnya apabila beliau menerbitkan karya satira *Shit* (1999) yang dilihat sarat dengan kelucuhan. *Shit* bukanlah karya pertama beliau yang kritikal. Sikap politik Shahnnon yang kritikal terhadap kekuasaan negara tertumpah pada dua karyanya yang lebih awal; *Seluang Menodak Baung* (1978) dan *Protes* (1967).
7. Temu bual bersama A. Samad Said. 23 April 2013 di Pulau Pinang.
8. Istilah *empirical reality* merujuk kepada realiti yang boleh dideduksikan melalui pemerhatian yang berulang. Bagi perbincangan lanjut mengenai konsep ini, rujuk Chua Beng Huat (2007).
9. Kerajaan pimpinan Najib Razak juga telah memperkenalkan banyak produk daripada inisiatif "1Malaysia", antaranya Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia, Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC), Kedai Buku 1Malaysia, Kedai Kain 1Malaysia, Baucar Buku 1Malaysia (Bb1M), Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA), Kedai Ikan Rakyat 1Malaysia (KIR1M), Amanah Saham 1Malaysia, Menu 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, Meja Bulat Online 1Malaysia, Perbadanan Program Perumahan 1Malaysia (PR1MA), Senam Seni 1Malaysia, Batik 1Malaysia, Taska 1Malaysia, Klinik 1Malaysia dan Susu 1Malaysia. Bagi maklumat lanjut layari laman web "1Malaysia", <http://www.1malaysia.com.my/>
10. Konsep reformasi yang diserap daripada Reformasi Indonesia 1998 adalah usaha untuk membanyakkan perubahan struktural dalam politik dan sosial di Malaysia. Reformasi menjadi istilah yang ikonik dan identitik kepada perjuangan Anwar Ibrahim dan pembangkang umumnya. Istilah ini menjadi sebahagian tema popular Pakatan Rakyat. Bagi perbincangan lanjut rujuk Tan dan Zawawi (2008) dan Loh (2009).
11. Rujuk "Psy's Gangnam parody in Penang: Oops, joke is on BN elites" dalam *Aliran*, Februari 2013. <http://aliran.com/11517.html> (diakses pada 20 Julai 2013).
12. Media Prima Berhad (Media Prima), sebuah syarikat yang tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia, kumpulan media bersepadu sepenuhnya yang terbesar di Malaysia. Syarikat ini mempunyai kepentingan ekuiti dalam TV3, 8TV, NTV7 dan TV9. Di samping itu, syarikat ini juga memiliki lebih daripada 98%

kepentingan ekuiti dalam The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP), penerbit terbesar di Malaysia dengan tiga akhbar utama negara ini; *New Straits Times*, *Berita Harian* dan *Harian Metro*. Bagi maklumat lanjut, rujuk <http://www.mediaprima.com.my/>

13. Berdasarkan pemerhatian penulis yang berada di tempat kejadian.
14. Bagi huraian lanjut mengenai definisi dan pengkategorian *follower* palsu yang lebih teknikal, rujuk Socialbakers (2013).

RUJUKAN

- 1Malaysia. n.d. <http://www.1malaysia.com.my/>
- Abdul Rahman Embong. 2002. *State-led modernization and the new middle class in Malaysia*. New York: Palgrave.
- _____. 2001a. *Southeast Asian middle classes, prospect for social change and democratisation*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 2001b. Beyond the crisis: The paradox of Malaysia middle class. In *Southeast Asian middle classes, prospect for social change and democratisation*, ed. Abdul Rahman Embong, 13–30. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 2000. Wacana globalisasi. In *Malaysia menangani globalisasi: Peserta atau mangsa*, eds. Noraini Othman dan Summit K. Mandal, 71–82. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 1998. Malaysian middle class studies: A critical review. In *Rethinking Malaysia*, ed. K. S. Jomo, 107–125. Hong Kong: Asia 2000 Ltd.
- _____. 1996. Social transformation, the state and the middle class in post-independent Malaysia. *Southeast Asian Studies* 34(3): 56–72.
- _____. 1995. Malaysian middle class: Some preliminary observations. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* 22: 31–54.
- Adler, M. 2012. Collective identity formation and collective action framing. *A Jurnal for and About Social Movement* 4(1): 287–315.
- Aliran. 2013. Psy's Gangnam parody in Penang: Oops, joke is on BN elites. <http://aliran.com/11517.html> (accessed 20 July 2013).
- _____. 2013. Youth voters sparking new politics in Malaysia. <http://aliran.com/13603.html> (accessed 20 July 2013).
- Beetham, D. 1991. *The legitimation of power*. London: Macmillan.
- Bernamea. 2009. "Govt knows best" era is over, says Najib. 9 April. http://www.1malaysia.com.my/news_archive/govt-knows-best-era-is-over-says-najib/ (accessed 23 July 2013).
- Bridget, W. 2013. Buying support – Najib's "commercialisation" of GE13. <http://bridgetwelsh.com/2013/04/buying-support-najibs-commercialisation-of-ge13/> (accessed 6 August 2013).

- Castells, M. 2010. *The power of identity: The information age: Economy, society, and culture*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Chua Beng Huat. 2007. Introduction: Political election as popular culture. In *Election as popular culture in Asia*, ed. B. H. Chua, 1–21. New York: Routledge.
- Cohen, S. 1985. *Visions of social control: Crime: Punishment and classification*. Cambridge: Polity Press.
- Diskopi. 2011. BERSIH 2.0: Pertandingan menulis RM6,000.00 untuk dimenangi. <http://diskopi.wordpress.com/2011/07/31/bersih-2-0-pertandingan-menulis-rm6000-00-untuk-dimenangi/> (accessed 5 August 2013).
- Drury, J., S. Reicher and C. Stott. 2003. Transforming the boundaries of collective identity: From the local anti-road campaign to global resistance? *Social Movement Studies* 2: 191–212.
- Fazallah Pit, ed. 2011. *Puisi jadi senjata*. Kuala Lumpur. Fikrah Collective.
- Flacks, R. 1996. Reviving democratic activism: Thoughts about strategy in a dark time. In *Radical democracy: Identity, citizenship and the state*, ed. D. Trent, 102–116. London: Routledge.
- Forum Warga USM. 2012. *Jemputan ke Program Jelajah Ditepati*. http://forumwarga.usm.my/?page_id=4/informasi-dari-pentadbir-emel/program-jelajah-janji-ditepati/ (accessed 5 August 2013).
- Giroux, H. 2004. *Take back higher education: Race, youth, and the crisis of democracy in the post civil rights era*. New York: Palgrave.
- Gunster, S. 2004. *Capitalizing on culture: Critical theory and cultural studies*. Toronto: University of Toronto Press.
- Gomez, E. T. 2004. *The state of Malaysia: Ethnicity, equality and reform*. London & New York: Routledge.
- Hall, S. 1998. Notes on deconstructing "The Popular". In *Cultural theory and popular culture*, ed. J. Storey, 442–453. London: Pearson Longman.
- _____. 1997. *Representation: Cultural representations and signifying practices*. London: Sage Publication.
- Humphrey, C. 2001. *The politics of carnival: Festive misrule in medieval England*. Manchester: Manchester University Press.
- Internet World Stats. 2012. *Malaysia Internet usage stats and marketing report*. <http://www.internetworldstats.com/asia/my.htm/> (accessed 5 August 2013).
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2013. Perangkaan tenaga buruh, Malaysia. <http://www.statistics.gov.my/> (accessed 6 August 2013).
- _____. 2010. Laporan taburan penduduk dan ciri-ciri asas demografi 2010. <http://www.statistics.gov.my/> (accessed 6 August 2013).
- Keesing, R. M. 1991. Asian cultures? *Asian Studies Review* 15(2): 43–50.
- Laclau, E. and C. Mouffe. 2008. *Hegemoni dan strategi sosialis: Pos marxisme dan gerakan sosial baru* (terjemahan). Yogyakarta: Resist Book.

- _____. 1985. *Hegemony and socialist strategy: Towards a radical democratic politics*. London: Verso.
- Loh, K. W. 2009. *Old vs new politics in Malaysia: State and society in transition*. Petaling Jaya: SIRD dan Aliran Kesedaran Negara.
- _____. 2003. Towards a new politics of fragmentation and contestation. In *New politics in Malaysia*, eds. F. K. W. Loh dan J. Saravanamuttu, 42–60. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- _____. 2002. Developmentalism and the limits of democratic discourse. In *Democracy in Malaysia: Discourses and practices*, eds. F. K. W. Loh dan B. T. Khoo, 25–51. Richmond: Curzon Press.
- _____. 2000. *Politik baru di Malaysia?* Siri syarahan umum perlantikan profesor. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Malaysiakini. 2013a. Najib paling banyak pengikut Twitter palsu. 15 May. <http://www.malaysiakini.com/news/230234/> (accessed 11 July 2013).
- _____. 2013b. PM asks: Are you ready for BN? Crowd says 'No!'. 11 February. <http://www.malaysiakini.com/news/221185/> (accessed 11 July 2013).
- _____. 2011a. 4 Sasterawan Negara gesa tahanan BERSIH dibebaskan. 5 July. <http://www.malaysiakini.com/news/168922/> (accessed 11 July 2013).
- _____. 2011b. BERSIH 2.0: A. Samad Said, Ambiga dan Ibrahim disiasat. 27 June. <http://www.malaysiakini.com/news/168109/> (accessed 11 July 2013).
- _____. 2011c. Najib minta bantuan belia pertahankan Putrajaya. 28 May. <http://www.malaysiakini.com/news/165409/> (accessed 11 July 2013).
- Mandal, S. K. 2003. Creativity in protest, arts workers and the recasting of politics and society in Indonesia and Malaysia. In *Challenging authoritarianism in Southeast Asia, comparing Indonesia and Malaysia*, eds. Ariel Heryantyo dan S. Mandal, 178–211. London: Routledge Curzon.
- Maybank IB Research. 2013. Feb 2013 Adex: General Election Boon. 19 March.
- Melucci, A. 1996. *Challenging codes: Collective action in the information age*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Merdeka Centre. 2013. Public Opinion Survey N°1/2013 Peninsular Malaysia Voter Survey. 3 May. <http://www.merdeka.org> (accessed 5 August 2013).
- _____. 2012a. *National public opinion update N 3/2012 survey results on PM's approval rating and perception on government*. 18 May. <http://merdeka.org/> (accessed 5 August 2013).
- _____. 2012b. *National public opinion survey perspectives on national debate*. 9 March. <http://merdeka.org/> (accessed 5 August 2013).
- Oliver, R. 2011. *Asia Pacific digital marketing yearbook 2011*. N.p: Asia Digital Marketing Association.
- Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara (Hansard). 2012. Parlimen Kedua Belas Penggal Kelima Mesyuarat Pertama. Bil 3. 25 April.

- <http://www.parlimen.gov.my/hansard-dewan-negara.html?uweb=dn&arkib=yes/> (accessed 6 August 2013).
- Puyok, A. 2013. Malaysia's 13th General Election. *East Asia Forum*, 2 May.
- Radue, M. 2012. The Internet's role in the BERSIH movement in Malaysia – A case study. *International Review of Information Ethics* 18(12): 60–70.
- Rahimah Abdul Aziz. 2000. Perancangan pembangunan sosio-ekonomi: Dasar, strategi dan pelaksanaan. In *Negara, pasaran dan pemodenan Malaysia*, ed. Abdul Rahman Embong, 45–69. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saravanamuttu, J. 2001. Is there a politics of the Malaysian middle class? In *Southeast Asian middle classes, prospect for social change and democratisation*, ed. Abdul Rahman Embong, 13–30. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahnon Ahmad. 1999. *Shit*. Kuala Lumpur: Pustaka Reka.
- _____. 1978. *Seluang menodak baung*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia).
- _____. 1967. *Protes*. Melaka: Toko Buku Abbas Bandong.
- Socialbakers. 2013. Methodology fake followers check. <http://www.socialbakers.com/twitter/fakefollowercheck/methodology/> (accessed 17 August 2013).
- Soon Chuan Yean. 2012. Persaingan politik moral: Satu analisa politik budaya kumpulan seni di Malaysia. In *Wacana baru politik Malaysia: Perspektif ruang awam, budaya dan institusi*, eds. Haris Zuan dan Rizal Hamdan, 25–50. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Storey, J. 1998. *Cultural theory & popular culture: A reader*. Georgia: University of Georgia Press.
- Stuart, H. 1994. Cultural studies: Two paradigm. In *Culture, power, harmony: A reader in contemporary social theory*, eds. N. Dirks, E. Eley and S. Ortner. Princeton: Princeton.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. 2012. *Household use of the Internet survey 2011*. <http://www.skmm.gov.my/Resources/Statistics/Household-Internet-Usage-Survey/Household-Use-of-the-Internet-Survey-2011.aspx/> (accessed 2 August 2013).
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2013. Statistik pilihan raya. http://www.spr.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=170&Itemid=239/ (accessed 2 August 2013).
- _____. 2012. Laporan keputusan pilihan raya ke-13. <http://keputusan.spr.gov.my/> (accessed 1 August 2013).
- Tan, J. and Zawawi Ibrahim. 2008. *Blogging and democratization in Malaysia: A new civil society in the making*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.

- The Asia Foundation. 2012. *The youth factor 2012 survey of Malaysian youth opinion*. <http://www.asianfoundation.org/> (accessed 1 August 2013).
- The Malaysian Insider*. 2013a. Spending soars as BN sets out to conquer ad space. 10 April. <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/spending-soars-as-bn-sets-out-to-conquer-ad-space/> (accessed 28 July 2013).
- _____. 2013b. Our first "social media election." 27 February. <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/najib-election-2013-first-social-media-election/> (accessed 27 July 2013).
- _____. 2012. Anwar: Pertambahan mendadak pengundi di Selangor mencurigakan. 13 February. <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-pertambahan-mendadak-pengundi-di-selangor-mencurigakan/> (accessed 1 August 2013).
- The Nielsen Company. 2011. *Mobile insights survey*. <http://blog.nielsen.com/nielsenwire/global/malaysian-internet-usage-takes-off-in-2010/> (accessed 29 July 2013).
- The Sun*. 2011. "Occupy dataran" ends peacefully. 16 October. <http://www.thesundaily.my/news/178302/> (accessed 27 July 2013).
- Touraine, A. 1981. *The voice and the eye: An analysis of social movements*. Cambridge: Cambridge University Press.
- TV3. 2012. Pengenalan program Karnival Jom Heboh. <http://apps.tv3.com.my/jomheboh/pengenalan.aspx/> (accessed 25 July 2013).
- Weiss, M. L. 2006. *Protest and possibilities: Civil society and coalitions for political change in Malaysia*. Stanford, CA: Stanford University Press.
- _____. 2003. The Malaysian human rights movement. In *Social movements in Malaysia, from moral communities to NGOs*, eds. M. Weiss and Saliha Hassan, 140–160. London: Routledge Curzon.